

Program Jerayawara Inisiatif PMKS bermula 11 Mei

KUALA LUMPUR - Kementerian Kewangan (MOF) akan menganjurkan program Jerayawara Inisiatif Pembiayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bermula 11 hingga 27 Mei di empat lokasi di Sarawak.

MOF menerusi satu kenyataan pada Selasa berkata, program itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk membantu usahawan mendapatkan akses kepada pembiayaan perniagaan, seiring dengan inisiatif di bawah kerangka Ekonomi Madani.

Program Jerayawara Inisiatif PMKS Sarawak akan diadakan bermula pada 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Islamic Information Centre (IIC), Kuching pada 11 Mei, diikuti Universiti Teknologi Sarawak (UTS) Sibu (21 Mei); Universiti Putra Malaysia (UPM) Bintulu (23 Mei) dan Pustaka Negeri Sarawak, Miri (27 Mei). - *Bernama*